



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM GESA WANITA REBUT PELUANG JALANI PENGESANAN AWAL KANSER

LABUAN, 17 JAN. – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini menggesa wanita seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan untuk merebut peluang menjalani ujian pengesanan awal kanser payudara dan kanser serviks sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks 2022.

Perkara ini disampaikan oleh YB Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Sri Tunas, Desa Tunas Hijau di sini, pada majlis penyerahan baucar saringan percuma mamogram dan HPV DNA kepada 10 wakil NGO terpilih.

Baucar saringan ujian mamogram dan HPV DNA secara percuma ini adalah inisiatif KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi program WCare (*Women Cancer Reproductive*) yang mula diperkenalkan mulai tahun ini bagi kumpulan wanita layak.

YB Dato' Siti Zailah berkata kanser payudara merupakan kanser tertinggi dan penyebab kematian dalam kalangan wanita. Menurut Laporan Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia, kadar insiden kanser payudara di Malaysia ialah 34.1 kes bagi setiap 100,000 populasi wanita. Manakala kanser serviks merupakan kanser ketiga tinggi berlaku dalam kalangan wanita dan risiko meningkat selepas umur 30 tahun.

Menurut beliau juga berdasarkan kajian LPPKN mendapati hampir 80% wanita tidak pernah menjalani ujian mamogram. Justeru, "Saya berharap dengan penglibatan pihak NGO akan membantu kerajaan menggalakkan lebih ramai wanita terutama dalam kalangan berisiko tinggi untuk tampil membuat saringan awal kanser reproduktif."

Turut hadir dalam majlis ringkas ini ialah Dr. Mohd. Azizuddin bin Mohd Yussof, Pengarah Bahagian Reproduksi Manusia LPPKN dan Encik Chai Cheng Ho@Dennis Chai, Pengarah LPPKN Negeri Sabah.

####

Disediakan oleh:

UNIT PENERANGAN DAN PENDIDIKAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Negeri Sabah

012-3185236 / 019-9628028 (Suzma Khairitszi Bin Mamat)